

## **BAB DUA**

### **I‘LA:L DAN IBDA:L DALAM BAHASA ARAB**

#### **2.0 Pengenalan**

Mempelajari ilmu fonetik dan fonologi amat penting kerana menerusnya kita dapat bertutur dengan sempurna dan dapat memelihara lidah daripada tersalah sebutan. Ia juga dapat membantu kita membaca al-Quran al-Karim dengan baik sebagaimana firman Allah S.W.T :

*Surah al-Muzammil, ayat 4 :*

وَرَتِّلِ الْقُرْآنَ تَرْتِيلًا

*Maksudnya :*

“Bacalah Al-Quran dengan tartil”<sup>1</sup>

Ulama silam telah mengasaskan kedua-dua ilmu ini dan mereka juga telah menulis kaedah-kaedah yang perlu diketahui untuk memahami kitab suci al-Quran dan al-Sunnah.

#### **2.1 Fonetik, Fonologi, Morfologi Dan Morfonologi**

Dalam tajuk ini, penulis membincangkan definisi fonetik, fonologi, morfologi, morfonologi, i‘la:l dan ibda:l berdasarkan pendapat yang

---

<sup>1</sup> Iaitu dengan bacaan yang terang, jelas dan betul menurut tajwid

dikemukakan oleh ahli linguistik silam dan moden. Penulis juga membentangkan pembahagian i‘la:l dan ibda:l serta huruf-huruf yang terlibat di dalam kedua-dua proses ini.

### **2.1.1 Definisi Fonetik**

Majoriti ahli linguistik silam dan moden telah mendefinisikan fonetik menurut pandangan mereka masing-masing. Di sini penulis hanya memilih sebahagian sahaja daripada definisi yang mereka kemukakan.

Antaranya ialah :

**i. Bertil Malmberg (1968)**

Beliau mendefinisikan fonetik sebagai pengkajian bunyi-bunyi bahasa. Menurutnya fonetik ialah pengkajian yang lebih memberatkan pelahiran bahasa, bukan kandungannya, iaitu bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan dan bukannya makna yang cuba disampaikan.<sup>1</sup>

**ii. J.D. O'connor (1973)**

Fonetik ialah ilmu yang bersangkutan dengan bunyi-bunyi bahasa yang dihasilkan oleh manusia.<sup>2</sup>

---

<sup>1</sup>Norhashimah Jalaluddin(1992), *Asas Fonetik*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, h. 2

<sup>2</sup>*Ibid*, h. 4

### **iii. David Abercrombie(1971)**

Beliau berpendapat ilmu fonetik ini bersifat teknikal. Dalam ilmu ini sesuatu bahasa akan dilihat secara analitis iaitu tidak sahaja mendengar percakapan tetapi menginsafi gerakan jasmani yang melatarinya.<sup>1</sup>

### **iv. Majoriti Ahli Linguistik**

Fonetik ialah ilmu yang secara saintifik mengkaji bunyi-bunyi bahasa yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi tanpa melihat fungsi bunyi itu sebagai pembeza makna dan dituturkan oleh sesuatu kaum.<sup>2</sup>

Berdasarkan definisi yang telah dikemukakan oleh ahli linguistik silam dan moden mengenai ilmu fonetik penulis juga bersetuju dengan mereka kerana dapat dirumuskan bahawa fonetik ialah satu kajian yang menganalisis bunyi bahasa yang dihasilkan oleh manusia dari segi cara pengeluarannya, daerah pengeluarannya dan sifat fizikalnya.

#### **2.1.2 Definisi Fonologi**

Fonologi menurut pandangan majoriti ahli linguistik ialah :

---

<sup>1</sup>Ibid, h. 10

<sup>2</sup>Aḥmad Muḥammad Qaddūrī (1999) *Mabaḍi' al-Lisāniyyāt*, h. 40, Rahmat Sato Hirobumi, *Pengenalan Asas Fonetik dan Fonologi*, h. 1

Ilmu fonologi adalah satu ilmu yang digunakan untuk mengkaji peraturan percakapan bagi bahasa yang tertentu setelah menerangkan cara penggabungannya serta perceraianya daripada apa yang terhasil melalui perkembangan sesuatu bahasa itu.<sup>1</sup>

### **2.1.3 Definisi Morfologi**

Morfologi membahaskan kaedah-kaedah pembentukan kata. Ia mencakupi kaedah penyusunan sesuatu kata dengan menjelaskan pola, bilangan huruf, baris dan susunan. Fokus yang dikaji oleh bidang ini juga ialah seperti perubahan sesuatu kata, penggantian, pengimbuhan dan sebagainya.<sup>2</sup>

### **2.1.4 Definisi Morfonologi**

Morfonologi merupakan satu bidang yang baru dalam ilmu linguistik. Ia adalah gabungan antara dua bidang linguistik iaitu fonologi dan morfologi. Ia mengkaji perubahan fonem akibat pertemuan atau hubungan morfem dengan morfem lain. Menerusi bidang ini hubungan antara unsur fonologi dan unsur morfonologi diperhatikan<sup>3</sup>. Ini merupakan bidang kajian yang akan dibahaskan oleh penulis dengan lebih terperinci pada bab yang ketiga dan keempat.

---

<sup>1</sup>Ibid, hh. 40-41, Kama:l Bishr(1980), ‘Ilm al-Lughat al-‘A:m, h. 36&41

<sup>2</sup>Abd al-Ha:di: al-Fuḍayla:, Mukhtaṣar al-Ṣarf, Da:r al-Qalam, h. 7

<sup>3</sup> Ahmad Muhammad Qaddu:r(1999). *Op.cit*, h. 43, Rahmat Sato Hirobumi, *op.cit*, h. 81

## **2.2 Huruf Dalam Bahasa Arab**

Di bawah tajuk ini, penulis membincangkan mengenai bilangan huruf dalam bahasa Arab, makhraj huruf mengikut pendapat ahli bahasa serta sifat-sifatnya.

### **2.2.1 Bilangan Huruf Dalam Bahasa Arab**

Terdapat 29 huruf dalam bahasa Arab yang kini terkenal dengan susunan mengikut abjad seperti berikut :

ا ، ب ، ت ، ث ، ج ، ح ، د ، ذ ، ر ، ز ، س ، ش ، ص ، ض ، ط ، ظ ، ع ، غ ،  
ف ، ق ، ك ، ل ، م ، ن ، و ، ه ، ل ، ء ، ي .

### **2.2.2 Makhraj (Daerah Artikulasi) Huruf Dalam Bahasa Arab**

Makhraj ialah titik pertemuan antara dua organ pertuturan manusia ketika menyebut sesuatu huruf<sup>1</sup>. Kita boleh menentukan makhraj sesuatu huruf dengan meletakkan huruf alif yang berbaris di hadapan huruf yang mati.

Contohnya untuk mengetahui makhraj bagi huruf ji:m (ج) diletakkan huruf alif berbaris atas dan mematikan huruf ji:m (ج). Hasilnya kita dapat mengetahui pertemuan antara tengah lidah dengan lelangit keras telah menghasilkan makhraj bagi huruf ji:m.

---

<sup>1</sup> Ahmad Muhammad Qaddu:r(1999/1419). *Op.cit*, h. 60

Terdapat perbezaan pendapat mengenai pembahagian huruf mengikut makhraj di antara ahli bahasa silam dan ahli bahasa moden.

Berikut adalah pandangan ahli bahasa mengenai pembahagian huruf mengikut makhraj iaitu tergolong kepada empat golongan :

**i. Golongan Pertama :**

Golongan ini terdiri daripada al-Khalil bin Ahmad dan pengikutnya, al-Makkiyy bin Abi: Ta:lib, Abu: al-Qa:sim al-Hadhli:, Abu: al-Hasan Shurayh dan sebahagian daripada ahli Qira:'a:t serta ahli nahuan silam. Mereka mengkategorikan huruf Arab kepada 17 daerah artikulasi.<sup>1</sup>

Daerah-daerah tersebut ialah seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah ini:

**Jadual 2.1 : Makhraj dan huruf menurut al-Khalil**

<b>Bil.</b>	<b>Makhraj</b>	<b>Huruf</b>
1.	Rongga mulut	Huruf mad (س ، و ، ا ) & li:n
2.	Pangkal rongga tekak	ه ، ئ
3.	Rongga tekak tengah	ح ، خ

<sup>1</sup>Ibn Jinni:, *Sirr Sina:’at al-’I’ra:b*, hh. 1/ 54-55, Ahmad Muhammad Qaddu:r(1999/1419), *Op.cit*, h. 60

<b>Bil.</b>	<b>Makhraj</b>	<b>Huruf</b>
4.	Rongga tekak atas	غ ، خ
5.	Depan pangkal lidah dan lelangit lembut	ك
6.	Pangkal lidah dan lelangit lembut	ق
7.	Tengah lidah dan lelangit keras	ج ، ش ، ي
8.	Tepi lidah dan barisan gigi geraham atas	ض
9.	Depan lidah dan gusi atas	ل
10.	Depan lidah dan gusi atas (lebih ke dalam daripada makhraj ل)	ن
11.	Depan lidah dan gusi atas (lebih ke dalam daripada makhraj ن)	ر
12.	Hujung lidah dan pangkal gigi depan atas	ط ، د ، ت
13.	Hujung lidah dan pangkal gigi depan bawah	ص ، س ، ز
14.	Hujung lidah dan hujung gigi depan atas	ظ ، ذ ، ث
15.	Bibir bawah dan gigi atas	ف
16.	Antara dua bibir	ب ، م ، و
17.	Rongga hidung	م & ن mati

## ii. Golongan Kedua :

Mereka terdiri daripada Si:bawayh, Ibn Jinni: dan sebahagian daripada ahli linguistik lain yang membahagikan huruf Arab kepada 16 makhraj.

Golongan ini tidak mengklasifikasikan huruf mad dan li:n sebagai huruf al-Jauf sepetimana yang dilakukan oleh al-Khalil. Mereka hanya menyatakan ketika menjelaskan huruf yang bersifat mahmus tanpa menerangkannya ketika pembahagian makhraj.<sup>1</sup>

Bagi makhraj huruf yang lain, golongan ini bersepakat dengan golongan yang pertama.

### **iii. Golongan Ketiga:**

Golongan ini membahagikan huruf kepada 14 makhraj sahaja. Mereka ialah al-Farra:, Ibn Kaysa:n, Ibn Durayd dan pengikut mereka meletakkan huruf nu:n, ra:’ dan la:m sebagai satu makhraj iaitu depan lidah dan gusi atas.<sup>2</sup>

### **iv. Golongan Keempat**

Manakala ahli bahasa moden pula berpendapat makhraj huruf dalam bahasa Arab terbahagi kepada 10 daerah artikulasi.<sup>3</sup> Mereka terdiri daripada Tamma:m Ḥassa:n, Ibra:hi:m Ani:s, ‘Abd al-Rahman Ayyu:b, Muḥammad al-Anṭakiyy, Kama:l Bishr, Ramaḍa:n ‘Abd al-Tawwa:b, Aḥmad Muḥammad Qaddu:r dan sebahagian lagi tokoh ahli bahasa moden.

<sup>1</sup> *Ibid*, hh. 1/ 54-56, *Ibid*, h. 61, Muḥammad Sa‘i:d Iḥdi:d & Muḥammad Muḥammad Zurayq (1991), *‘Ilm al-Ṣaūtiyya:t Dira:sat Muqa:raṇat*, hh. 44-46

<sup>2</sup> *Ibid*, h. 1/ 54, *Ibid*, hh. 60- 61

<sup>3</sup> Aḥmad Muḥammad Qaddu:r(1999/1419), *Op.cit*, hh. 66-68,

## Jadual 2.2 : Makhraj dan huruf menurut Tamma:m Ḥassa:n

Bil.	Makhraj	Huruf
1.	Antara dua bibir	ب ، م ، و
2.	Bibir bawah dan gigi atas	ف
3.	Hujung lidah dan hujung gigi depan atas	ث، ذ، ظ
4.	Hujung lidah dengan gigi depan atas dan depan lidah dengan gusi	ض، د، ط، ت، ز، ص، س
5.	Hujung lidah dan gusi atas	ل، ن، ر
6.	Depan lidah dan lelangit keras	ش، ج، ي
7.	Pangkal lidah dan lelangit lembut	ك، غ، خ
8.	Pangkal lidah dan anak tekak	ق
9.	Rongga tekak	ع، ح
10.	Pangkal rongga tekak	هـ ، ء

### 2.2.3 Sifat-sifat Huruf Dalam Bahasa Arab<sup>1</sup>

Huruf-huruf dalam bahasa Arab terbahagi kepada beberapa kumpulan makhraj. Begitulah juga dengan sifatnya dibahagikan kepada beberapa bahagian.

Tujuan utama pembahagian makhraj ialah untuk membezakan antara huruf dalam sesuatu kumpulan dengan kumpulan yang lain. Manakala sifat

---

<sup>1</sup> Ahmad ‘Aliyy Maḥmuḍ Rabi‘ (1996-1997), *al-Madkhal ila: ‘Ilm al-Aswa:t*, hh.84-88, Ibn Jinni:, *op.cit*, hh. 67-71, Ahmad Muḥammad Qaddu:r(1999/1419). *Op.cit*, hh. 80-88

pula, bertujuan untuk mengetahui perbezaan huruf dalam kumpulan makhraj yang sama. Contohnya huruf ta:' , ṭa:' dan da:l mempunyai persamaan makhraj iaitu antara hujung lidah dan pangkal gigi depan atas. Tetapi ianya dapat dibezakan antara ketiga-tiga huruf ini apabila kita lihat menerusi sifat yang dimiliki oleh mereka. Ta:' bersifat iṭba:q, manakala ta:' dan da:l bersifat menurun.

Bagi menjelaskan kedudukan huruf mengikut sifat ini penulis telah mengkaji wujud perbezaan pendapat antara ahli bahasa silam dan ahli bahasa moden namun perselisihan pendapat antara mereka amatlah sedikit. Jadi penulis telah menggabungjalinkan antara kedua pendapat ini dengan memberi keutamaan kepada pendapat ahli bahasa moden kerana perbahasan ini dijalankan pada era sekarang. Oleh itu, penulis akan menjelaskan perbezaannya di akhir perbahasan mengenai sifat huruf nanti.

Terdapat sifat-sifat yang berlawanan dan tidak berlawanan. Kedua-dua jadual di bawah akan dapat menjelaskan kepada kita kedudukan huruf mengikut sifat-sifatnya.

### Jadual 2.3 : Sifat-sifat huruf yang berlawanan

Bil.	Sifat	Keterangan	Huruf-huruf
1.	Majhu:r	Pita suara yang terletak di tenggorak bergetar semasa penyebutan berlaku	ب ج ذ ر ز ض ظ ع غ ل م ن و ي
2.	Mahmu:s	Pita suara tidak bergetar semasa penyebutan berlaku	ت ث ح خ س ش ص ط ف ق ك ه
3.	Letupan	Dentuman yang dilepaskan oleh dua organ ketika bertemu	ب ت د ض ط ق ك ء
4.	Geseran	Dua organ pertuturan bertemu secara tidak rapat dan menghasilkan bunyi desiran	ث ح خ ذ ز س ش ص ظ ع غ ف ه
5.	Menurun	Sebahagian besar dari pangkal lidah merendah ke bawah semasa penyebutan	ا ب ت ث ج ح د ذ ر س ش ع ف ك ل م ن و ي
6.	Menaik	Sebahagian besar lidah terangkat ketika penyebutan	خ ص ض ط ظ غ ق
7.	Itba:q	Melengkung keliling lidah ke langit-langit ketika menyebutnya	ص ض ط ظ
8.	Infita:h	Tidak melengkung keliling lidah ke langit-langit semasa menyebutnya	ا ب ت ث ج ح خ د ذ ر ز س ش ع غ ق ف ك ل م ن و ي

Bil.	Sifat	Keterangan	Huruf-huruf
9.	Dhala:qah	Menyebut hurufnya dengan lancar dan mudah kerana sebahagiannya keluar daripada hujung lidah	ب ر ف ل م ن
10.	İsma:t	Susah dan lambat untuk menyebutnya kerana keluar jauh dari keliling lidah	ا ت ث ج ح خ د ذ ز س ش ص ض ط ظ ع غ ق ك و ي

**Jadual 2.4 : Sifat-sifat huruf yang tidak berlawanan**

Bil.	Sifat	Keterangan	Huruf-huruf
1.	Geluncur	Suara sederhana ketika menyebut hurufnya iaitu antara letusan dan geseran	ر ع ل م ن
2.	Desis	Udara yang tertekan keluar dengan laju melalui laluan sempit di antara dua organ pertuturan	ز س ص
3.	Lantunan	Bergerak-gerak ketika menyebut huruf yang bertanda sukun sehingga kedengaran bunyi lantunan yang kuat	ب ج د ط ق
4.	Melencung	Udara yang menghadapi gangguan di permukaan lidah keluar melencung melalui tepi lidah	ل

Bil.	Sifat	Keterangan	Huruf-huruf
5.	Berulang	Semasa hurufnya disebut keadaan hujung lidah bergerak berulang-ulang serta bergetar	ر
6.	Berhamburan	Semasa menyebut hurufnya berhambur angin antara gigi depan dan langit-langit keras	ش
7.	Berpanjangan	Penyebutan hurufnya berpanjangan dari tepi pangkal lidah hingga tepi hujung lidah	ض
8.	Sengauan	Semasa penyebutan huruf udara keluar melalui rongga hidung	ن م
9.	Afrikat	Cantuman letupan dan geseran	ج
10.	Neutral	Keadaan kedua-dua pita suara yang bertemu rapat dan menyekat laluan udara, kemudian melepaskannya dengan kuat	ف

### 2.2.3.1 Kesimpulan

Berdasarkan keterangan di atas dapatlah dirumuskan bahawa majoriti ahli bahasa silam dan moden bersepakat menentukan sifat bagi huruf-huruf dalam bahasa Arab. Namun ahli bahasa moden menyatakan bahawa terdapat 15 huruf bersifat majhu:r iaitu (ب ج د ذ ر ز ض ظ ع غ ل م ن و ي) tetapi ahli

bahasa silam berpendapat terdapat 19 huruf yang bersifat majhu:r iaitu dengan menambah huruf ( ئ ط ق ا ).

Manakala huruf yang bersifat mahmu:s menurut ahli bahasa silam ialah sebanyak 10 iaitu ( ت ث ح س ش ص ف ك ه ) dan pada pandangan ahli bahasa moden pula 12 huruf iaitu ditambah huruf ( ط ق )

( ب ت د ج ط ق ك ئ )  
Pendapat ahli bahasa silam menyatakan huruf ( ج ) bersifat letupan dan ianya disepakati oleh ahli bahasa moden kecuali huruf ( ض ) kerana mereka kategorikannya sebagai bersifat afrikat dan menambah huruf ( ض ) dalam kumpulan huruf bersifat letupan.

Menerusi sifat geseran pula, pandangan ahli bahasa moden mengatakan huruf yang terlibat ialah ( غ ف ه ) . Ianya sama dengan pandangan ahli bahasa silam namun mereka meletakkan huruf ( ض ) dalam kumpulan huruf yang bersifat geseran berbeza dengan pandangan moden seperti yang telah dijelaskan.

Walaupun terdapat huruf yang berkongsi makhraj dan sifat dan ada yang berkongsi makhraj namun berbeza sifatnya tetapi terdapat keistimewaan yang dapat kita perolehi daripada keadaan-keadaan ini. Contohnya di dalam pembentukan kata bahasa Arab huruf yang berkongsi makhraj dapat ditukar ganti bagi memudahkan kita mengujarkan sesuatu perkataan. Keadaan ini akan dibahaskan di dalam kajian penulis pada bab yang keempat nanti.

## 2.3 I'la:l Dalam Bahasa Arab

### 2.3.1 Definisi I'la:l

Ahli morfologi Arab mendefinisikan i'la:l sebagai perubahan yang berlaku pada huruf 'illat<sup>1</sup> di dalam sesuatu perkataan dengan tujuan meringankan sebutan perkataan tersebut.<sup>2</sup>

### 2.3.2 Pembahagian I'la:l

I'la:l dapat diperbahaskan menerusi tiga aspek yang utama iaitu :<sup>3</sup>

#### a) Penukaran Huruf 'Illat (الاعال بالقلب) :

Penukaran huruf 'illat ini berlaku apabila lidah sukar dan berat untuk menyebut sesuatu perkataan. Contohnya firman Allah S.W.T :

*Surah al-Zalzalat*, ayat 3:

وَقَالَ الْإِنْسَنُ مَا هَذَا

Maksudnya:

"Dan berkatalah manusia (dengan perasaan gerun) : "Apa yang sudah terjadi kepada bumi ini ?"

<sup>1</sup> Huruf 'illat ialah alif, wa:w dan ya:.'

<sup>2</sup> Radīyy al-Dīn Muḥammad Ibn al-Ḥasan, *Sharḥ Sha:fiyat*, Da:r al-Kutub al-‘Ilmiyyat, Juz' 3 hh. 66-67, ‘Abd al-Ha:di: al-Fuḍayla:, *op.cit*, h. 107, Muḥammad Khayr Ḥalwa:ni:, *al-Mughni: al-Jadid fī: ‘Ilm al-Ṣarf*, Da:r al-Sharq al-‘Arabiyy, h. 111

<sup>3</sup> Zayn Ka:mil al-Khuwaysakiyy(1992M), *Duru:s fi: al-Naḥw wa al-Ṣarf*, Da:r al-Ma‘rifat al-Ja:mi‘iyyat, hh. 531-539, Muṣṭafa: al-Ghala:yi:niyy, *Ja:mi‘ al-Duru:s al-‘Arabiyyat*, cetakan ke-20, Maktabat al-‘Aṣriyyat, Juz' 2, hh. 104-117

Menerusi contoh tersebut perkataan ( قال ) adalah salah satu contoh bagi proses yang dibincangkan. Apabila kita lihat pada asal perkataan ini iaitu ( قوله ) maka huruf ‘illatnya ialah wa:w. Di sini berlaku kesukaran organ pertuturan menuturkan wa:w apabila sebelumnya terdapat baris atas. Ia haruslah berubah menjadi /a:/. Ringkasnya :

( قوله ) → ( قال )

Contoh-contoh dan penerangan secara mendalam akan dibahaskan oleh penulis dalam bab yang berikutnya.

**b) Pengguguran Huruf ‘Illat :**

Huruf ‘illat digugurkan dalam sesuatu perkataan sebagai langkah meringankan sebutan perkataan itu semasa diujarkan. Contohnya firman Allah S.W.T :

*Surah Fa:tir, ayat 40:*

﴿ بَلْ إِنْ يَعْدُ الظَّالِمُونَ بَعْضُهُمْ بَعْضًا إِلَّا غُرُورًا ﴾

*Maksudnya :*

“Bahkan orang-orang yang zalim itu terpedaya dengan kata-kata yang dibuat oleh setengahnya kepada yang lain, kata-kata yang hanya menjanjikan perkara yang tidak benar”

Dalam contoh di atas (يَعْدُ) adalah perkataan hasil daripada proses pengguguran huruf ‘illat iaitu wa:w. Proses yang telah berlaku adalah seperti berikut :

(يَوْعِدُ) adalah kata kerja kala kini yang pada asalnya (يَعْدُ) kerana kata kerja kala lampauya ialah (وَعَدَ). Wa:w dalam (يَوْعِدُ) digugurkan apabila berlaku kesukaran mengujarkannya. Maka berlakulah proses yang kita kenali sebagai pengguguran huruf ‘illat.

Penulis akan menjelaskan proses ini dengan lebih terperinci dalam bab yang seterusnya.

c) **Pemindahan Baris Huruf ‘Illat Kepada Huruf شاهِيْه Yang Berbaris Mati** (الإِعْلَال بِالنَّقْل أَو بِالتسْكِين) :

Ia terjadi apabila perpindahan baris huruf ‘illat sama ada yang berbaris bawah atau berbaris depan dengan baris huruf شاهِيْه<sup>1</sup> yang berbaris mati sebelumnya. Perubahan ini seperti firman allah S.W.T:

*Surah al-Muṭaffifi:n, ayat 6:*

يَوْمَ يَقُومُ النَّاسُ لِرَبِّ الْعَالَمِينَ

---

<sup>1</sup> huruf-huruf شاهِيْه ialah terdiri daripada semua huruf kecuali huruf-huruf ‘illat iaitu alif, wa:w dan ya.’

*Maksudnya :*

*“Hari berdiri manusia untuk mengadap Tuhan sekalian alam”*

Perkataan (يَقُولُ) dalam contoh yang diberikan telah berlaku proses pemindahan baris huruf ‘illat kerana asal (يَقُولُ) ialah (يَقُولُ). Oleh kerana perkataan ini sukar dan berat diujarkan maka dipindahkan baris wa:w iaitu baris depan kepada baris qa:f yang berbaris mati. Hasilnya ialah :

(يَقُولُ) → (يَقُولُ)

### 2.3.3 Huruf ‘Illat<sup>1</sup>

Ahli morfologi Arab telah menyatakan bahawa huruf ‘illat terdiri daripada huruf alif (ا), wa:w (و) dan ya:’ (ي). Ia dinamakan huruf ‘illat kerana sentiasa berubah dan tidak kekal dalam bentuknya yang asal.

Dalam bab seterusnya, penulis akan menghuraikan konsep ini dengan mengutarakan contoh yang relevan untuk pemahaman pembaca.

---

<sup>1</sup> ‘Abd al-Ha:di: al-Fuðayla:, *op.cit*, h. 12

## 2.4 Ibda:l Dalam Bahasa Arab

### 2.4.1 Definisi Ibda:l

Ibda:l ialah menggantikan sesuatu huruf dengan huruf yang lain sama ada melibatkan huruf ‘illat atau huruf şahi:h.<sup>1</sup> Contohnya firman Allah S.W.T:

*Surah Ta:ha, ayat 132:*

وَأَمْرٌ أَهْلَكَ بِالصَّلَوةِ وَاصْطَبِرْ عَلَيْهَا

*Maksudnya:*

*“Dan perintahkanlah keluargamu mengerjakan sembahyang, dan hendaklah engkau tekun bersabar menunaikannya”*

Kata kerja imperatif (اصْطَبِرْ) dalam contoh di atas telah mengalami proses ibda:l. ta:’ (ط) iaitu gantian kepada ta:’ (ت) yang asalnya (اصْتَبِرْ) . Şə:d bersifat menaik manakala ta:’ bersifat menurun menyebabkan penutur Arab sukar mengujarkan perkataan ini. Maka pemilihan huruf ta:’ sebagai gantinya adalah sesuai kerana ianya bersifat menaik dan mempunyai persamaan dengan huruf ta:’ dari segi makhraj iaitu antara hujung lidah dan pangkal gigi depan atas. Tujuannya adalah untuk meringankan sebutan dan wujudnya keserasian antara huruf. Contoh di atas ialah penukaran di antara huruf şahi:h dengan huruf şahi:h yang lain.

---

<sup>1</sup> ‘Abduh al-Raajihiyy, *al-Ta bi:q al-Sarf |*, Da:r al-Nahdaq al-‘Arabiyyat, h. 157, Zayn Ka:mil al-Khuwaysakiyy(1992M), *Op.cit*, h. 531.

Manakala contoh seterusnya ialah melibatkan penukaran huruf ‘illat dengan huruf şahi:h iaitu perkataan (دُعَاءٌ). Asalnya ialah (دُعَاوٌ) tetapi apabila huruf wa:w terletak di akhir kata dan selepas alif tambahan maka ditukarkannya dengan hamzat kerana jika dikekalkan wa:w perkataan ini berat sebutannya. Jadi sebagai langkah meringankannya wa:w ditukarkan kepada hamzat.

Penerangan di atas hanyalah memfokuskan kepada ibda:l morfologi kerana di dalam kajian ini penulis hanya memilih perubahan morfologi untuk dibahaskan dengan lebih terperinci pada bab yang keempat nanti.

#### 2.4.2 Huruf-Huruf Ibda:l

Terdapat perselisihan pendapat dalam menentukan huruf-huruf yang terlibat dalam proses ibda:l.

Menurut pengarang kitab Sharḥ al-Sha:fiyat huruf-huruf ibda:l adalah sebanyak 14 huruf iaitu hamzah (ء), nu:n (ن), şa:d (ص), ta:' (ت), ya:' (ي), wa:w (و), mi:m (م), ji:m (ج), da:l (د), ṭa:' (ط), ali:f (ف), ha:' (ه), za:y (ز) dan la:m (ل). Ringkasnya.<sup>1</sup> [أَنْصَتَ يَوْمَ جَدُّ طَاهِ زَلْ]

Beliau juga ada menjelaskan dalam penulisannya bahawa Si:bawayh berpendapat hanya 12 huruf daripada huruf di atas sebagai huruf ibda:l dengan menyingkirkan huruf şa:d dan za:y. Manakala huruf ibda:l menurut al-

<sup>1</sup> Rađiyy al-Di:n Muḥammad Ibn al-Hasan, *Op.cit*, h. 3/199.

Zamakhshariyy pula adalah sebanyak 15 huruf dengan penambahan huruf si:n kepada 14 huruf tadi.<sup>1</sup>

Seterusnya ‘Umar Ibn Tha:bit al-Thama:ni:niyy(442H) menyatakan terdapat 11 huruf ibda:l yang terdiri daripada 8 huruf imbuhan iaitu ali:f (ا), wa:w (و), ya:’ (ي), hamzah (ء), mi:m (م), nu:n (ن), ta:’ (ت), ha:’ (ه), dan 3 lagi daripada huruf biasa ialah ji:m (ج), da:l (د), ṭa:’ (ط).<sup>2</sup>

Sebahagian daripada ahli morfologi bersepakat terdapat 9 huruf ibda:l iaitu ha:’(ه), da:l (د), hamzah (ء), ta:’(ت), mi:m (م), wa:w (و), ṭa:’ (ط), ya:’ (ي), alif (ا). Ringkasnya [هَدَّاتْ مُوْطِيَّا].<sup>3</sup>

### 2.4.3 Kesimpulan

Berdasarkan penerangan ini penulis berpendapat bahawa bidang fonetik, fonologi, morfologi dan morfonologi mempunyai hubungkait yang rapat dalam pembentukan kata bahasa Arab.

Pakar linguistik Arab juga telah berpendapat menyatakan bahawa i‘la:l ialah proses penukaran, pengguguran dan pemindahan baris huruf ‘illat iaitu alif (ا), wa:w(و) dan ya:’(ي). Manakala ibda:l merupakan penggantian sesuatu huruf dengan huruf yang lain.

---

<sup>1</sup> *Ibid*, hh. 199-200

<sup>2</sup> ‘Umar Ibn Tha:bit al-Thamani:niyy(1419H/1999M), *Sharḥ al-Taṣrī:f*, cetakan pertama, Maktabat al-Rushd, hh. 290-291.

<sup>3</sup> Sa‘i:d al-Afgha:niyy, *Op.cit*, h. 357, ‘Abd al-Ha:di: al-Fuḍayla:, *Op.cit*, h. 105, Imi:l Badi:‘ Ya‘qu:b, *Op.cit*, h. 17.